

# Sistem keselamatan bertaraf dunia yakinkan pelabur

BH 24/11/07 M/S 15

Oleh Fazli Abdulah

**R**OMPAKAN cip mikro dan peralatan komputer milik syarikat multinasional yang dalam proses penghantaran ke luar negara di Kompleks Kargo Udara Kedua Malaysia Airport Berhad (MAB) Isnin lalu, mengemparkan seluruh negara apabila lagi rompakan barang bernilai lebih RM50 juta.

Ironinya, pengeluar cip terkemuka dunia, Intel Corporation (Intel) yang sudah bertapak di Malaysia sejak 30 tahun lalu dengan pelaburan lebih RM11 bilion, menjadi mangsa, kira-kira lima bulan selepas rompakan di gudang pemunggahan kilang itu, Julai lalu.

Dalam kejadian Julai lalu, cip mikro bernilai RM18.6 juta dilarikan sekumpulan lelaki ketika melakukan kerja pemunggahan besi lusuh di kilang berkenaan di Bayan Lepas; Pulau Pinang. Bagaimanapun, polis berjaya menemui semula sebahagian besar (RM18 juta) cip mikro itu yang disorok dalam gudang di Juru, Seberang Prai selepas menawan beberapa lelaki.

Bagaimanapun, dalam rompakan kali ini, pasukan khas yang ditubuhkan bagi menyiasat kes berkenaan masih samar-samar mengenai lokasi produk itu disembunyikan, sama ada masih berada dalam negara atau sudah diseludup ke luar negara.

Dalam satu kes rampasan kargo yang berlaku di Melaka tahun lalu, barang yang dilarikan sudah berada di pasaran gelap di sebuah bandar di China dalam tempoh 24 jam selepas kejadian.

Begitulah hebat dan liciknya kegiatan sindiket terancang yang ternyata mereka bukan bersendirian melakukan jenayah itu. Tanpa bantuan daripada pihak lain, tidak mungkin barang itu boleh berada di China dalam masa yang begitu singkat.

Apa yang pasti, kejadian terbaru itu membuka mata banyak pihak terhadap sistem keselamatan di kompleks berkenaan dan juga lapangan terbang serta pelabuhan di seluruh negara dan sasaran penting kerajaan yang lain.

Adakah kita terlalu mengambil mudah terhadap sistem dan kawalan keselamatan atau menganggapnya sebagai prasyarat saja? Adakah patut kawasan berkenaan boleh dimasuki dengan hanya mengangkat tangan saja?

Jika dilihat kepada senario apa yang berlaku dalam kes rompakan itu, soal keselamatan ternyata dianggap remeh dan ada yang tidak peka terhadap perkara itu, lalu menganggap apa juga maklumat sebagai tidak penting.

Kalau betul soal keselamatan di kompleks yang dianggap 'lombong emas' kerana menyimpan barang bernilai ratusan juta diberi keutamaan dan amat penting, kenapa pengawal tidak bersenjata api ditugaskan di situ.

Kenapa maklumat awal kononnya akan berlaku rompakan sama ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL), tidak disalurkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Kita tidak terima dan tidak dimaklumkan mengenai amaran awal itu," kata Ketua

Polis Pulau Pinang, Datuk Koh Hong Sun yang mengakui aspek keselamatan di kompleks berkenaan begitu longgar.

Justeru, cadangan polis kepada pihak berkuasa di kawasan berkenaan termasuk menempatkan pengawal bersenjata api, talian hotline dengan polis, rondaan lebih kerap dan pemeriksaan rapi ke atas kontena, perlu diberi pertimbangan yang serius.

Malah, arahan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, supaya pihak berkuasa di kompleks itu - MAB dan MAS-kargo - memberi cadangan untuk meningkatkan tahap keselamatan dalam masa seminggu, membuktikan kebimbangan kerajaan terhadap aspek keselamatan di kawasan berkenaan.

Cadangan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon supaya sistem dan prosedur keselamatan di kompleks itu serta pelabuhan dan lapangan terbang di negara ini dipertingkatkan juga menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri.

"Kejadian itu satu peringatan kepada kita semua supaya memastikan sistem keselamatan tidak bocor dan diperketatkan lagi," katanya.

Apapun cadangan yang akan dikemukakan kepada kerajaan untuk dilaksanakan, satu perkara penting ialah memastikan pihak berkuasa di kompleks itu, syarikat penghantaran dan pekerja di kawasan itu terdiri daripada mereka yang ada integriti.

Walau sebaik mana sekalipun sistem keselamatan yang akan dilaksanakan, jika pekerja ibarat 'harapkan pagar, pagar makan padi', kejadian rompakan akan berterusan.

Dalam kebanyakan kes rampasan dan curi kargo yang dilaporkan berlaku di negara ini, polis mendapati penjenayah mendapat kerjasama orang dalam - kakitangan syarikat atau kilang, ejen penghantaran dan pihak berkuasa - bagi menjayakan kegiatan jenayah mereka.

Perkara ini diakui Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, ketika merasmikan Seminar Inisiatif Pencegahan Kerugian Rantai Bekalan di Pulau Pinang pada Julai lalu (ketika itu Musa adalah Timbalan Ketua Polis Negara).

"Berdasarkan siasatan kami, kebanyakan kes dilaporkan membabitkan bantuan orang dalam. Kita juga kadangkala menyiasat untuk menentukan sama ada orang kita (polis) juga terbabit," kata Musa.

Justeru, cadangan yang bakal dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan diharap bukan saja membabitkan pemasangan peralatan canggih, peraturan yang perlu dipatuhi MAB dan MAS-kargo tetapi juga mereka yang berurusan di kawasan berkenaan seperti syarikat penghantaran dan syarikat yang mendapat kontrak pembersihan atau kerja di kawasan berkenaan.

Apa yang penting, penambahbaikkan sistem dan kawalan keselamatan di kawasan berkenaan dapat mengelak daripada berulangnya kejadian seumpama itu.

Ini penting bagi mengembalikan keyakinan pelabur asing yang sedikit terjejas akibat kejadian itu, bahawa Malaysia bukan saja menawarkan insentif dan kemudahan yang menarik tetapi juga sistem keselamatan bertaraf dunia.